

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.10.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembayaran yang telah dibuat oleh 1MDB untuk menebus opsyen syarikat Powertek Investment Holding dan 1MDB Energy (Langat) daripada Aabar Investment. Adakah 1MDB masih berhutang sebanyak US\$481 juta seperti yang tercatat dalam Laporan Audit IPIC untuk Disember 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Nota di dalam Penyata Kewangan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2014 dengan jelas menyatakan bahawa tiada jumlah tersebut yang ditanggung oleh 1MDB terhadap IPIC. Ingin ditekankan juga bahawa mana-mana pihak berhak menentukan kaedah pelaporan Penyata Kewangan mereka.